

16 JAN 2003

Mahathir-Guru

K'JAAN SEDIA AMBIL GURU SAR, KATA DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 16 Jan (Bernama) -- Kerajaan sedia mengambil guru-guru sekolah agama rakyat termasuk yang tidak terlatih untuk diserap di sekolah kebangsaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata kerajaan sanggup memberi latihan kepada mereka untuk membolehkan mereka menjadi guru dengan bayaran gaji lebih baik daripada apa yang mereka perolehi di Sekolah Agama Rakyat (SAR).

"Kita ambil mereka sebagai guru sementara dahulu kerana kita nak tahu sama ada mereka ikhlas atau tidak. Yang tak terlatih, kita latih," katanya ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di Sekolah Kebangsaan Air Lanas, Jeli, hari ini.

Kerajaan baru-baru ini memutuskan untuk menyerapkan 126,000 pelajar SAR ke sekolah kebangsaan. Kerajaan membaut keputusan untuk tidak lagi menyalurkan bantuan kepada sekolah-sekolah berkenaan.

Dr Mahathir berkata guru-guru SAR terlebih dahulu perlu menunjukkan bahawa mereka ikhlas dalam menjalankan tugas mereka mendidik pelajar serta tidak lagi mengajar murid-murid mereka membenci orang lain atau memperkenalkan lambang sesebuah parti politik kepada pelajar.

"Jangan pula ajar lukisan...mula-mula ambil pinggan dan lukis bulatan, selepas itu warnakan hijau di sekeliling bulatan itu. Itu lambang Pas.

"Ini niat tidak baik, tidak ikhlas...guru-guru yang (seperti ini) kita tidak boleh terima," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) sebenarnya tidak mempunyai niat untuk menganiayai sesiapa dan apa yang dilakukan ialah untuk menentukan rakyat Malaysia maju dan hidup bahagia.

Ketika ditanya lebih lanjut mengenai perkara itu pada persidangan media di Lapangan Terbang Sultan Ismail di sini, Dr Mahathir berkata kerajaan akan memberi peluang kepada mereka menjadi guru di sekolah kebangsaan tertakluk kepada kelulusan mereka.

"Jika mereka tidak lulus (tetapi) kalau layak untuk dilatih, maka akan dilatih, tetapi mereka mestilah menjalankan tugas dengan cara yang sempurna," katanya.

Ditanya mengenai pertemuan beliau dengan wakil kerajaan Terengganu bagi membincangkan isu penutupan Maktab Rendah Sains Mara-Yayasan Terengganu (MRSM-YT), Perdana Menteri berkata tidak ada sebarang keputusan dibuat dalam pertemuan itu.

Beliau berkata bahawa pada perjumpaan itu, selain daripada isu MRSM-YT, Anggota Exco Kerajaan Negeri, Datuk Mustafa Ali, turut memperkatakan tentang masalah politik negara.

"Saya dengar dia punya pendapat dan dia dengar saya punya pendapat. Tidak ada apa-apa keputusan dibuat," katanya.

Semalam, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata wakil kerajaan Terengganu telah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri bagi menyuarakan pandangan berhubung isu penutupan dua MRSM-YT itu.

-- BERNAMA

SN MAI